

**SAMBUTAN HARI OKU 2018**  
**DERAF TEKS UCAPAN**  
**YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI**  
**MERANGKAP**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**  
**SAMBUTAN HARI OKU 2018**  
**ANJURAN MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA**  
**13 JANUARI 2019**  
**PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN PARALIMPIK, MALAYSIA**  
**JALAN PERWIRA KG PANDAN**  
**55100 KUALA LUMPUR**

**SAMBUTAN HARI OKU 2018**

Date: 13/01/2019

Venue: PUSAT KECEMERLANGAN SUKAN PARALIMPIK, MALAYSIA

## PENDAHULUAN

Hadirin-hadirat yang dimuliakan

1.1 Terlebih dahulu, saya memanjatkan kesyukuran ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnianya, dapat kita bersama-sama hadir dalam majlis yang penuh manfaat pada hari ini.

1.2 Saya turut merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur, Majlis Paralimpik Malaysia (MPM) yang sudi menjemput saya ke majlis ini untuk meraikan Sambutan Hari OKU Peringkat Kebangsaan bagi tahun 2018 dan juga Majlis Pelancaran Program “Tambah Emas” pada pagi ini.

1.3 Berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang diterbitkan pada tahun 2011, secara purata 15% daripada populasi sesebuah negara terdiri daripada mereka yang mempunyai pelbagai jenis ketidakupayaan.

1.4 Di Malaysia, sehingga 31 Oktober 2018, seramai 488,948 OKU telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang merangkumi 1.5 % daripada jumlah penduduk Malaysia.

## 2.0 KPWK M DAN GOLONGAN SASAR (OKU)

2.1 Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M) sentiasa mengambil berat dan telah menyediakan program-program yang spesifik untuk menyokong dan membantu perkembangan komuniti OKU melalui pelbagai inisiatif yang bersesuaian.

2.2 Saya sangat bersyukur kerana terdapat banyak agensi di bawah KPWKM, sama ada kerajaan atau bukan kerajaan, yang terlibat mempromosi pelbagai aktiviti untuk menyokong komuniti OKU.

2.3 Seiring pencapaian ke arah status negara maju, Kerajaan Malaysia tidak mengabaikan keperluan serta sokongan kepada OKU untuk menikmati kehidupan kerana mereka juga berhak mendapat peluang.

2.4 Untuk makluman semua, Kerajaan juga telah menubuhkan Majlis Kebangsaan Bagi Orang Kurang Upaya (MKBOKU) menurut Seksyen 3(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008.

Antara fungsi dan peranan Majlis adalah untuk menyelia pelaksanaan dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU.

Antaranya:

untuk membuat syor kepada Kerajaan mengenai sokongan, penjagaan, perlindungan, rehabilitasi, pembangunan dan kesejahteraan OKU;

memantau aktiviti semua Agensi Kerajaan, NGO dan swasta yang terlibat dalam pelaksanaan, dasar negara dan pelan tindakan negara yang berhubungan dengan OKU; dan,

mengemukakan syor kepada Kerajaan berkaitan isu-isu perundangan melibatkan OKU.

2.5 Pada 13 November, 2018, saya telah mempengerusikan Mesyuarat MKBOKU pertama yang telah dihadiri oleh tujuh (7) daripada 10 orang ahli yang dilantik yang mewakili golongan OKU.

MKBOKU telah bersetuju dengan beberapa perkara utama, berkaitan dengan cadangan bagi meningkatkan aksesibiliti kepada golongan OKU seperti pewujudan Pelan Induk Aksesibiliti.

Perkara tersebut juga dijangka akan dibentangkan dalam Mesyuarat Majlis Negara Kerajaan Tempatan (MNKT) yang akan datang.

MKBOKU juga telah mencadangkan peluasan perkhidmatan e-hailing kepada OKU.

Mesyuarat juga bersetuju akan cadangan pendidikan inklusif diadakan di semua sekolah di peringkat negeri bagi memberi peluang pada pelajar OKU menikmati peluang pendidikan yang inklusif.

Turut dicadangkan ialah semua kerja menaik taraf infrastruktur sekolah perlu menepati ciri-ciri universal design.

MKBOKU juga telah mengambil maklum akan cadangan untuk memperkasakan industri pelancongan negara dengan mempromosikan industri pelancongan mesra OKU.

Di antara beberapa program utama KPWK M mengenai OKU untuk tahun 2019 adalah pelaksanaan dua (2) kajian yang akan menumpukan kepada peluang pekerjaan untuk OKU serta sistem sokongan bagi penjaga kepada OKU.

SpecialJobs.com.my pula merupakan satu kolaborasi di antara kerajaan dan sebuah institusi pengajian tinggi swasta, yang mana portal tersebut diwujudkan khas untuk carian pekerjaan bagi OKU.

2.6 Kerajaan Malaysia sentiasa sensitif dalam memenuhi keperluan komuniti OKU dan majlis pada hari ini merupakan testimoni usaha-usaha kerajaan untuk menonjolkan Negara kita sebagai Negara yang Prihatin terhadap OKU.

### 3.0 KERJASAMA ANTARA AGENSI (MPM, KBS & KPWKM)

3.1 Sehubungan itu, KPWKM menerusi JKM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM30 ribu kepada pihak MPM untuk melaksanakan program pada hari ini.

3.2 Saya difahamkan, kerjasama pihak MPM dan Kementerian Belia & Sukan (KBS) dengan KPWKM memang sentiasa wujud termasuk semasa penganjuran Sukan Para ASEAN 2017.

Pada ketika itu, KPWKM menguruskan kehadiran OKU ke setiap lokasi pertandingan diadakan termasuk acara perasmian dan penutupan Sukan Para ASEAN.

3.3 Pihak KPWKM juga telah menerima sokongan padu daripada MPM dan KBS dalam melahirkan atlet OKU terutamanya di kalangan penghuni Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan (PLPP) Bangi.

Saya berharap program bermanfaat seperti itu akan dapat diteruskan lagi pada masa akan datang.

### 4.0 GOLONGAN OKU DAN PENCAPAIAN DALAM BIDANG SUKAN

4.1 Sukan memberi peluang kepada golongan OKU untuk berani berusaha dan mencuba, bersemangat tinggi, bersosial dan seterusnya menyerlahkan keyakinan dan keupayaan diri.

4.2 Saya juga sangat bersyukur kerana golongan OKU telah bangkit dengan gigih dan jaya untuk menghadapi pelbagai halangan dan rintangan demi mencapai kecemerlangan dalam sukan sama ada dalam Negara mahupun luar Negara.

4.3 Kejayaan Malaysia buat pertama kalinya memperoleh 3 pingat Emas untuk Negara dalam Sukan Paralimpik Rio 2016 merupakan testimoni kepada pelbagai usaha yang telah dijalankan oleh agensi-agensi yang terlibat.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada para atlet yang telah mengharumkan nama Negara di persada dunia.

4.4 Kepada semua peserta yang telah mengambil bahagian dalam Program Wheel-Walk-Fun Run sebentar tadi, saya merakamkan syabas dan tahniah.

Semangat kesukanan perlu sentiasa ada pada diri kita untuk terus kekal cergas.

Penyertaan dan komitmen lebih penting daripada kemenangan.

## 5.0 PROJEK TAMBAH EMAS

5.1 Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah kepada MPM atas segala usaha yang telah dibuat bagi mempromosi pergerakan sukan para di Negara kita yang tercinta.

5.2 MPM sebagai agensi terunggul untuk sukan para di Malaysia perlu memainkan peranan utama ke arah usaha tersebut.

5.3 Pihak kerajaan sentiasa memberi sokongan dan menyediakan pelbagai sumber mengikut kemampuan untuk sentiasa menyokong pergerakan sukan para di Malaysia.

5.4 Inisiatif projek “ Tambah Emas” yang diusahakan oleh MPM menunjuk k an bahawa mereka sentiasa memahami situasi kerajaan pada masa kini yang mempunyai sumber yang terhad.

5.5 Saya amat berharap pihak korporat dan masyarakat umum akan tampil ke hadapan untuk menyumbang secara ikhlas bagi menyokong inisiatif MPM dalam usaha menambah lebih banyak pingat emas semasa dalam TOKYO 2020 Paralympics.

## 6.0 PENUTUP

6.1 Kita perlu memastikan bahawa kita mempunyai satu program yang mantap dan berterusan untuk mewujudkan satu laluan bagi para atlet elit kita yang mengambil bahagian dalam kejohanan-kejohanan peringkat tertinggi dunia.

6.2 Pembangunan sukan OKU memerlukan sokongan dan komitmen semua pihak.

Ia perlu bermula daripada peringkat akar umbi agar potensi OKU dapat dikenalpasti dan dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Saya percaya kebanyakan atlet cemerlang sukan paralimpik juga telah melalui semua peringkat berkenaan.

Tiada jalan mudah untuk menjadi juara dunia.

Semua agensi kerajaan, GLC dan korporat perlu memainkan peranan masing-masing di peringkat sekolah, daerah, negeri, kebangsaan dan seterusnya antarabangsa.

6.3 Saya juga ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada semua penderma dan bakal penderma yang menyokong projek “Tambah Emas” yang diusahakan oleh MPM ini.

Sekian, Terima Kasih.

**© Hak Cipta © 2019, Pejabat Timbalan Perdana Menteri, Jabatan Perdana Menteri**

Source: <https://dpmo.jpm.gov.my/sambutan-hari-oku-2018/>